

15/04/2002

Dr M anggap tindakan pungutan suara Harakah berniat jahat

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Harakah, akhbar rasmi milik parti pembangkang Pas mengadakan pungutan suara mengenai penggantinya, sebagai berniat jahat.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, Harakah dan Pas ingin melihat Umno berpecah dan sebab itu mereka berbuat demikian.

"Itu kehendak Harakah...kita peduli apa dengan Harakah," katanya selepas menyampaikan hadiah untuk pertandingan Golf Amal di Glenmarie Golf & Country Club di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan akhbar itu melalui laman Internetnya, Harakahdaily.com, mengadakan pungutan suara mengenai penggantinya. Mereka yang disenaraikan ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; tiga Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak; Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhamad Muhd Taib serta ahli Majlis Tertinggi Tengku Razaleigh Hamzah.

Ditanya sama ada benar berlaku perebutan dalam kepemimpinan Umno sekarang, Dr Mahathir berkata perkara itu sebenarnya menjadi harapan Harakah, dengan memberi markah kepada pemimpin Umno.

Mengenai kemungkinan Harakah ingin melihat Umno kembali berpecah, beliau berkata: "Yalah, itu niat dia."

Diminta mengulas laporan Berita Harian semalam mengenai tindakan rakyat Singapura menceroboh Pulau Pisang di perairan Pontian dekat Johor Bahru, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak tahu sama ada dia ceroboh ataupun tidak, tetapi kita ada perjanjian untuk kakitangan rumah api dari Singapura, pergi ke Pulau Pisang untuk menjaga rumah api di situ."

(END)